

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada RUU Gangguan Seksual mengambil kira kelompongan akta asal yang dikenal pasti *Asian Strategy & Leadership Institute* termasuk perincian jenayah mengambil gambar tanpa keizinan, surat ugutan yang mengandungi gambar atau video peribadi, penghendapan dan penyebaran butiran peribadi tanpa kebenaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (RUU GS) ini telah digubal melalui penubuhan satu pasukan projek khas yang terdiri daripada pihak berkepentingan merangkumi pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan isu gangguan seksual dan perundangan.

Perkara utama yang diberi perhatian bagi memastikan draf yang digubal adalah komprehensif ialah dengan memastikan ia berupaya menangani kelompongan dalam sistem perundangan atau peraturan sedia ada seperti dalam Kanun Keseksaan [*Akta 574*], kod amalan, pekeliling dan

## SOALAN NO : 47

garis panduan yang hanya terpakai kepada sama ada sektor awam atau sektor swasta sahaja. Selain itu, draf RUU GS turut menggariskan definisi gangguan seksual yang lebih menyeluruh dan pemakaiannya tidak hanya terhad kepada sektor pekerjaan tetapi merangkumi tempat-tempat awam. Memandangkan takrifkan gangguan seksual di bawah RUU ini juga telah mengambil kira pelbagai bentuk dan medium ianya boleh dilakukan, perbuatan penghendapan dan penyebaran butiran, gambar atau video peribadi secara atas talian tanpa kebenaran juga menjadi suatu kesalahan. Namun begitu, satu peruntukan khusus berkenaan penghendapan dicadangkan untuk ditangani melalui pindaan Kanun Keseksaan.

Antara penambahbaikan lain yang diperkenalkan melalui RUU ini yang mampu mengatasi kekangan perundangan sedia ada ialah dengan meletakkan tanggungjawab untuk melapor serta menyiasat laporan kepada majikan yang menerima aduan bagi kes gangguan seksual.

Secara keseluruhannya, pengubalan RUU GS ini telah mengambil kira hasrat untuk memberikan kesedaran dan pendedahan kepada umum mengenai kesalahan gangguan seksual supaya dapat mencegah gangguan seksual daripada berlaku, di samping memberikan perlindungan kepada mangsa melalui langkah pemulihan (*redress*) yang sewajarnya.